






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU PERTAMA (Q1 2024)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau Residential Property Price Index (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku pertama 2024 (Q1 2024). Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). RPPI mengukur kadar perubahan harga harta kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke semasa.
2. Pada Q1 2024, RPPI menunjukkan penurunan sebanyak 4.4% tahun-ke-tahun kepada 92.3 berbanding dengan Q1 2023, dan peningkatan sebanyak 0.5% berbanding dengan Q4 2023.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q1 2023	Dari Q4 2023
Q1 2024	92.3	- 4.4%	0.5%





3. Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian harta tanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 81 transaksi pembelian telah dicatat pada Q1 2024. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 33.6% dalam bilangan transaksi berbanding dengan tahun sebelumnya dan juga penurunan sebanyak 40.9% berbanding dengan Q4 2023. Pada Q1 2024, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau detached (55.5%); diikuti oleh rumah teres (24.7%); rumah berkembar atau semi-detached (17.3%); dan pangaspuri (2.5%). Tiada pembelian tanah melalui pembiayaan bank telah dicatat pada Q1 2024.

- Harga tengah (median) bagi pembelian kesemua jenis harta tanah kediaman persendirian pada Q1 2024 adalah BND247,000. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 1.6% berbanding dengan Q1 2023, dan penurunan sebanyak 4.3% berbanding dengan Q4 2023. Harga tengah bagi pembelian rumah berasingan atau detached adalah BND278,000; bagi rumah berkembar atau semi-detached adalah BND246,000; bagi rumah teres adalah BND220,000; dan bagi pangaspuri adalah BND235,000. Pengiraan RPPI adalah menggunakan harga tengah dan bukan harga purata kerana harga tengah tidak mudah terjejas oleh harga harta tanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.
- Dari segi lokasi, kebanyakan pembelian harta tanah persendirian pada Q1 2024 adalah yang terletak di Daerah Brunei dan Muara (66 harta tanah), diikuti oleh Daerah Tutong (sembilan harta tanah), dan Daerah Belait (enam harta tanah). Sehubungan dengan ini, lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q1 2024 adalah Mukim Sengkurong, Mukim Kilanas, Mukim Gadong, Mukim Lumapas, and Mukim Mentiri.

Jumlah Transaksi pada Q1 2024 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	66
Tutong	9
Belait	6
Temburong	0

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q1 2024	
Sengkurong	19
Kilanas	10
Gadong	9
Lumapas	7
Mentiri	6

- Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana harta tanah kerana harga harta tanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antaralainnya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
- Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcb.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke semasa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank
 Tarikh: 20 Zulhijjah 1445H/ 27 Jun 2024M
 Rujukan: BDCB/COMMS/3